

Headline	Azmin minta ahli parti berkempen		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	4	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	173 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,951
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,853




Azmin minta ahli parti berkempen

SUNGAIBESAR - Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau akan berusaha memberikan masa untuk berkempen bagi membantu calon Pakatan Harapan di sini dan di Kuala Kangsar, Perak.

Menteri Besar Selangor itu berkata, adalah sukar menentukan jadual harian kerana beliau mengiringi Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ke majlis-majlis terbuka puasa di negeri ini.

"Saya akan melihat jadual saya dan cuba berada di kedua-dua tempat. Dalam masa sama, saya juga harus memenuhi tugas saya seperti tahun lalu untuk mengiringi Tuanku Sultan pada hampir setiap malam," katanya ketika proses penamaan calon PRK Sungai Besar, semalam.

Azmin meminta semua jentera parti PKR turun berkempen untuk calon Pakatan



Azmin (kanan) bertanya sesuatu kepada Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man di pekarangan Pusat Penamaan Calon Dewan Seri Bernam, semalam.

Harapan di kedua-dua kawasan PRK tersebut.

Beliau juga mengucapkan selamat kepada calon Pas, Dr Rani Abdul Othman yang ber-

tanding di Sungai Besar.

"Dr Rani masih sebahagian daripada kerajaan negeri dan dia juga penyokong polisi kerajaan negeri," katanya.



06 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 1,2 • Printed Size: 604.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 10,302.85
PR value: MYR 30,908.55 • Item ID: MY0026201991



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar menyaksikan tiga calon daripada BN, Pas dan Amanah berentap dalam pertandingan tiga penjur

PERANG BERMULA

PRK PARLIMEN Sungai Besar P.093

3 HALAMAN LIPUTAN PENUH

Abdul Rani (kiri), Budiman (tengah) dan Azhar ketika hari penamaan calon, semalam.



Lawan tiga penjuru

SUNGAI BESAR - Proses penamaan calon bagi PRK Parlimen Sungai Besar menyaksikan pertandingan tiga penjuru antara BN, Pas dan Parti Amanah Negara (Amanah).

Pengumuman itu diumumkan Pengurus PRK Sungai Besar, Khairuddin Md Som di pentas pekarangan Dewan Seri Bernam, di sini, jam 10.30 pagi, semalam.

Tiga calon iaitu Budiman Mohd Zohdi dari BN, Dr Abdul Rani Osman (Pas) dan Azhar Ab Shukor (Amanah) yang mewakili Pakatan Harapan menyerahkan borang pencalonan masing-masing.

Sebelum itu, Adun Sungai Panjang, Budiman, 44, diiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Pengerusi Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar berarak dari Umno Cawangan Sungai Besar, kira-kira 1 kilometer dari pusat penamaan calon pada jam 8.30 pagi.

Kira-kira 3,000 pemimpin dan penyokong BN berarak ke pusat penamaan calon.

Manakala Pas yang menamakan Adun Meru, Abdul Rani, 58, sebagai calon parti itu diiringi Timbalan Presiden



Abdul Rani (kiri), Budiman (tengah) dan Azhar mengangkat tangan selepas proses penamaan calon, semalam.

Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Turut mengiringi, Ketua Dewan Ulama Pas Pusat, Datuk Dr Mahfodz Mahmud; Naib Presiden Pas, Datuk Iskandar Abdul Samad; Ketua Lajnah Penerangan Pas Pusat, Nasrudin Hassan bersama penyokong parti itu.

Sementara Amanah yang bertanding atas tiket Pakatan Harapan mempertaruhkan Azhar, 51, yang diiringi Presiden Amanah, Mohamad Sabu.

Beberapa pemimpin Pakatan Harapan turut hadir antaranya Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Presiden PKR, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail dan

Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan PRK Sungai Besar diadakan serentak dengan PRK Kuala Kangsar pada 18 Jun ini, manakala pengundian awal pada 14 Jun.

Pada PRU13, Allahyarham Tan Sri Noriah Kasnon mendapat 18,695 undi dengan majoriti 399 undi mengalahkan calon Pas, Mohamed Salleh M Hussin (18,296 undi).

Sungai Besar mempunyai 42,836 pengundi berdaftar dengan 67.18 peratus pengundi Melayu, Cina (30.68 peratus), India (1.91 peratus) dan kaum lain (0.23 peratus).



06 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 4 • Printed Size: 129.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,270.15
PR value: MYR 3,810.45 • Item ID: MY0026202038



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Mahu bela nasib penduduk

SUNGAI BESAR – Calon Pas, Dr Abdul Rani Osman berhasrat membela kebajikan penduduk Parlimen Sungai Besar jika dipilih pengundi pada pilihan raya kecil (PRK) parlimen itu pada 18 Jun ini.

Dr Abdul Rani berkata, apa jua permasalahan dihadapi rakyat akan dibawanya pada Sidang Parlimen untuk dibahaskan agar mendapat pem-belaan pihak berwajib.

“Kita minta pengundi beri peluang kepada Pas sebab kita nak lebih banyak suara Pas di Parlimen.

“Kalau kita menang, sebenarnya bukan untuk calon.. tetapi mewakili parti Pas untuk bela rakyat di parlimen ini,” katanya selepas penamaan calon di Dewan Seri Bernam, di sini, pagi semalam.

Sementara itu, pada si-

dang medianya di Markaz Pas Simpang Lima, Dr Abdul Rani meluahkan rasa kesal apabila Parti Amanah Negara (Amanah) yang mempunyai hasrat sama dengan Pas bagi menumbangkan BN tetap meletakkan calon di kerusi itu.

“Fokus kita nak jatuhkan BN dan sesiapa saja. Kalau dia (Amanah) betul-betul nak jatuhkan, Amanah tak perlu bertanding di kerusi tradisi Pas.

“Apabila masuk campur di Sungai Besar, itu akan berikan kelebihan kepada Umno dan BN di Sungai Besar,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Abdul Rani yang juga Adun Meru berkata, tahaluf siyasi antara parti itu dan PKR dalam pentadbiran Selangor masih wujud dan beliau sendiri masih berkawan dengan pemimpin PKR.

“Tidak timbul masalah kerana apa yang berlaku di Selangor ini berbeza dengan negeri lain. Kita masih meneruskan Pakatan Rakyat (PR),” katanya.

Pada sidang media sama, Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pertandingan tiga pen-juru itu membuktikan politik negara ini matang.

“Saya lihat ini bukan satu masalah..ini adalah ujian kematangan politik di Malaysia.

“Sudah berlaku di negara lain seperti di United Kingdom yang membentuk kerajaan campuran dua parti pada 2005 hingga 2010.

“Jadi tidak ada masalah kalau kita benar-benar matang dan kalau kerajaan terus berjalan walaupun bertembung pada PRK,” katanya.



06 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 179.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,053.00
PR value: MYR 9,159.00 • Item ID: MY0026202180



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Lif rosak dibaik pulih

SUBANG JAYA – Masalah kerosakan lif di Pangsapuri Sri Tanjung USJ 16, di sini sejak beberapa tahun lalu akhirnya menemui jalan penyelesaian apabila ia dibaik pulih menggunakan peruntukan di bawah Skim Ceria kerajaan negeri.

Pengerusi Perbadanan Pengurusan (MC) pangsapuri itu, Mohd Nizam Abdullah berkata, kerosakan kemudahan lif di empat blok rumah pangsa itu semakin ketara sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, setiap kali rosak, ia menimbulkan kesukaran kepada kira-kira 4,000 penduduk terutama golongan warga emas, ibu mengandung dan kanak-kanak.

"Masalah berkenaan kemudiam diutarakan kepada wakil rakyat dan permohonan peruntukan daripada Program Skim Ceria kerajaan negeri dipohon pihaknya.

"Lif berkenaan sering rosak mungkin kerana sudah beroperasi tanpa henti sejak 16 tahun lalu selain perbuatan vandalisme.

"Kami bersyukur permohonan Skim Ceria diluluskan dan kerja pembaikan dilakukan sejak Oktober tahun lepas," katanya.



Sze Han dan Mohd Nizam (kiri) ketika merasmikan penggunaan lif selepas kerja baik pulih kemudahan itu selesai sepenuhnya.

Mohd Nizam mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri dan Adun Kinrara, Ng Sze Han yang menghulurkan bantuan hingga kerja baik pulih dapat dilaksanakan.

"Saya ingin mengingatkan penduduk supaya sama-sama jaga harta yang baru dibaik pulih... jika tak, mungkin perlukan belanja kos lebih besar jika ia rosak lagi," katanya.

Sementara itu, Sze Han berkata, pihak MC menanggung 20 peratus daripada kos baik pulih berjumlah

RM1.13 juta manakala baki selebihnya ditanggung kerajaan negeri.

"Dasar tanggung kos bersama dilaksanakan kerajaan negeri ini adalah langkah tepat supaya penduduk turut jaga dan hormati harta bersama.

"Pengurusan pangsapuri kos rendah dan pangsapuri kos sederhana lain yang ingin memohon peruntukan menerusi skim ceria boleh berurusan dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)," katanya.



06 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 43 • Printed Size: 108.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,842.23
PR value: MYR 5,526.69 • Item ID: MY0026202262



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



PUCHONG Hampir 500 penduduk sekitar Puchong Permai hadir pada Program Tahlil Perdana dan Ceramah Agama bersama Pencetus Ummah (PU) Rahmat dan Ustaz Hafiz Shamsuri. Program itu anjuran Perbadanan Pengurusan Blok A35-A38 Pangsapuri Kos Rendah Taman Puchong Permai dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Zon 14, Masjid Istiqamah, Surau Ra'ayah dan Surau An Najatul Hasanah.



06 Jun 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 20 • Printed Size: 25.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 984.85
PR value: MYR 2,954.55 • Item ID: MY0026202167

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Bersih tanah kubur

Hulu Langat: Seramai 120 warga Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bergotong-royong membersihkan kawasan Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid Al-Muttaqin, Dusun Tua, di sini.



Headline	Azmin doa Dr Abdul Rani berjaya		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	25	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	84 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,309
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,927



Azmin doa Dr Abdul Rani berjaya

“Saya mendoakan Dr Abdul Rani Osman berjaya,” kata Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, Ahli Dewan Undangan Negeri Meru itu adalah anggota kerajaan negeri dan penyokong kerajaan negeri di Dewan Undangan Negeri.

Katanya, PKR juga sudah siap sedia menghantar jentera ke Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

“Sehubungan itu, saya minta calon Parti Amanah

Negara (PAN) dan PAS fokus menumbangkan BN,” katanya kepada media di Pusat Penamaan Calon di Dewan Seri Bernam, di sini, semalam.

Sebelum itu, kemunculan beliau semasa proses penamaan calon mengejutkan banyak pihak selain mencetuskan pelbagai tanda tanya kerana sebelum ini sering tidak bersama kepemimpinan rakan sekutunya dalam Pakatan Harapan.





06 Jun 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: Fuad Hadinata Yaacob, • Section: Setempat • Page: 25
Printed Size: 243.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 9,536.00 • PR value: MYR 28,608.00 • Item ID: MY0026202249

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

Lawan tiga penjuru

■ SPR terima kertas penamaan calon BN, PAS, PAN

Fuad Hadinata Yaacob, Hairulazim Mahmud, Muhammad Saufi Hassan dan Siraj Mohd Zaini

Seperti dijangkakan, Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar menyaksikan pertembungan tiga penjuru antara Barisan Nasional (BN), PAS dan Parti Amanah Negara (PAN).

Lebih menarik pertembungan itu membabitkan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor manakala calon PAN muka baru.

Calon BN Budiman Mohd

Zohdi yang juga ADUN Sungai Panjang dicabar wakil PAS dan ADUN Meru Dr Abdul Rani Osman.

Manakala calon PAN Azhar Abdul Shukur mencuba nasib kali pertama mewakili parti serpihan PAS itu.

Pegawai Pengurus Pilihanraya Mohd Khairudin Md Som ketika mengumumkan senarai calon berkata, kedudukan calon di dalam kertas undi didahului Abdul Rani diikuti Budiman dan Azhar.

“SPR menerima tiga kertas penamaan calon iaitu Budiman pada jam 9.03 pagi, Azhar jam 9.05 pagi dan Abdul Rani tepat jam 9.12 pagi.

“Saya berpuas hati dengan borang pencalonan dan tiada yang ditolak,” katanya selepas proses penamaan calon di Dewan Seri Bernam, di sini, semalam.

Sebelum itu, Budiman diiringi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi BN Selangor Tan Sri Noh Omar bersama penyokong parti berarak ke pusat penamaan calon dari Data-ran Tonggak 10, di sini.

Penyokong ketiga-tiga parti dipisahkan dengan kawalan ketat anggota Polis Diraja Malaysia.

Tiada kejadian tidak diingini berlaku sepanjang tempoh penamaan calon.

PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar diadakan serentak 18 Jun depan sementara pengundian awal pada 14 Jun ini.



06 Jun 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: Fuad Hadinata Yaacob, • Section: Setempat • Page: 25
Printed Size: 243.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 9,536.00 • PR value: MYR 28,608.00 • Item ID: MY0026202249



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



DARI kanan hadapan, Azhar, Budiman dan Abdul Rani keluar dari pusat penamaan calon, semalam.

Headline	50,601 kes denggi sejak Januari		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	22	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	Suhaila Shahrul Annuar	AdValue	RM 10,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,346



50,601 kes denggi sejak Januari

➔ Selangor terus jadi penyumbang tertinggi jangkitan

Oleh Suhaila Shahrul Annuar

suhaila.shahrul@bh.com.my

► Putrajaya

Sejumlah 50,601 kes denggi direkodkan di seluruh negara sejak Januari hingga kelmarin.

Berdasarkan data dikeluarkan Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Pusat Kesediaan Krisis dan Tindak Balas (CPRC) Kementerian Kesihatan, bagi tempoh itu, Selangor terus menjadi penyumbang kes denggi tinggi iaitu 27,165 kes.

Ia diikuti Johor dengan 6,857 kes, Kuala Lumpur (3,480), Perak (1,945), Pulau Pinang (1,765), Terengganu (1,519), Negeri Sembilan (1,359), Sabah (1,296) dan Pahang (1,231).

Selain itu, jumlah kumulatif kematian akibat denggi dari Januari sehingga 21 Mei lalu adalah sebanyak

109 kematian berbanding 136 kematian bagi tempoh sama tahun 2015, iaitu pengurangan sebanyak 19.9 peratus atau 27 kematian.

Cuaca tak menentu

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata musim hujan yang diselang-seli dengan keadaan cuaca panas akan meningkatkan lagi risiko penularan demam denggi akibat pengumpulan air pada bekas yang sesuai untuk

pembiakan nyamuk aedes.

Justeru, beliau menyeru orang ramai supaya memastikan kediaman serta kawasan persekitaran masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes dengan meluangkan hanya 10 minit setiap minggu, untuk aktiviti cari dan musnah.

Selain itu, katanya bahan pembunuh jentik-jentik hendaklah digunakan terutama bagi bekas yang menampung air.

Kementerian Kesihatan juga menasihatkan orang ramai supaya mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital sekiranya mempunyai gejala dan tanda demam denggi untuk mencegah komplikasi akibat penyakit berkenaan.



Orang ramai dinasihat supaya mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital sekiranya mempunyai gejala dan tanda demam denggi”

Kementerian Kesihatan

Headline	50,601 kes denggi sejak Januari		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	22	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	Suhaila Shahrul Annuar	AdValue	RM 10,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,346



Bahan pembunuh jentik-jentik hendaklah digunakan, terutama bagi bekas yang menakung



06 Jun 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Rafidah Mat Ruzki fidahruzki @bh.com.my • Section: Nasional • Page: 7
Printed Size: 363.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 12,465.00 • PR value: MYR 37,395.00 • Item ID: MY0026202411

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

SUNGAI BESAR

Pertembungan PAS, PAN curi tumpuan

Komentor



Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki @bh.com.my

Pagi cuti hujung minggu di pekan Sungai Besar semalam meriah dengan kehadiran orang politik mewakili pelbagai parti, masing-masing untuk mengiringi calon parti mereka ke pusat penamaan calon.

Kerusi Parlimen P93 kosong selepas kematian penyandang, Tan Sri Noriah Kasnon dalam nahas udara yang turut mengorbankan bekas Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad di Sebuyau, Sarawak, pada 5 Mei lalu.

Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar mencipta sejarah tersendiri kerana ia medan pertama menyaksikan calon PAS dan Parti Amanah Negara (PAN) berentap untuk merampas kerusi milik Barisan Nasional (BN).

Kubu kuat BN

Kerusi Parlimen Sungai Besar dimenangi BN sejak persempadanan semula pada 2003 dan boleh dikatakan antara kubu kuat parti itu di Selangor, walaupun pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) Noriah hanya menang dengan majoriti 399 undi.

Bukan sekadar pertembungan musuh, kehadiran PAN yang mewakili Pakatan Harapan (PH) juga dilihat sebagai mahu menyaingi PAS yang 'diceraikan' mereka tahun lalu.

Berdasarkan itu, tidak silap jika semua menjangkakan kempen PAN yang direstui DAP dan tentunya PKR, lebih hebat jika tidak setara gerak kerja jentera BN dan PAS kerana yang sejak awal lagi sudah memasang bendera dan membuka pusat operasi.

Hakikatnya, beberapa hari se-

belum hari penamaan calon, bendera PAN hanya dilihat terselit di sebalik kemeriahan warna biru laut dan hijau pekat parti dacing dan bulan, tidak setara dengan nada parti pilihan pembangkang itu yang bersungguh mahu menumbangkan BN.

Elak bertemu pemberita

Pelbagai isu yang melanda kerajaan Selangor, khususnya Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, dikaitkan dengan kesu-raman kempen mereka, terutama selepas hampir sebulan seperti

mengelak bertemu dengan pemberita.

Ketiadaannya pada program pengenalan calon PAN, Rabu minggu lalu juga menguatkan spekulasi, wujud puak dalam parti itu walaupun Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, tegas menyatakan itu keputusan kepe-mpimpinan parti yang 'simpati' dengan kedudukan Mohamed Azmin dan hubungannya dengan PAS yang masih berada dalam pentadbiran Selangor.

Sudah tentu apabila kelibat Mohamed Azmin tidak kelihatan berarak pagi semalam, ramai mula tertanya-tanya apakah beliau sudah menjauhkan diri daripada kepimpinan utama Pakatan Harapan.

Kemunculan tepis spekulasi

Namun, Mohamed Azmin muncul juga di Dewan Seri Bernam untuk menepis spekulasi kedudukannya dalam parti dan pentadbiran negeri, selain menjanjikan jentera PKR akan turun berkempen bagi calon PAN dalam usaha parti itu merampas kerusi Sungai Besar dari tangan BN.

PKR kini 'tersepit' dengan perbalahan di antara PAS dan Pakatan Harapan yang dianggotainya dengan DAP dan PAN.

Sejauh mana komitmen Mohamed Azmin dan adakah ia akan mengubah corak serta rentak kempen PAN di sini, mereka kini punyai 13 hari untuk menambat pengundi di Sungai Besar sebelum hari pengundian pada 18 Jun nanti.

--




06 Jun 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Rafidah Mat Ruzki fidahruzki @bh.com.my • Section: Nasional • Page: 7
Printed Size: 363.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 12,465.00 • PR value: MYR 37,395.00 • Item ID: MY0026202411

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Pertandingan tiga penjuror

Oleh ADHAM SHADAN
dan NUZULSHAM SHAMSUDDIN

SABAK BERNAM – Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen bagi kerusi Sungai Besar menyaksikan pertandingan tiga penjuror antara Barisan Nasional (BN), Pas dan Parti Amanah Negara (PAN).

Calon BN yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman Mohd. Zohdi, 44, akan ditentang oleh ADUN Meru, Dr. Abdul Rani Osman, 58, daripada Pas dan ahli perniagaan Azhar Ab. Shukur, 51, yang mewakili PAN. Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Mohd. Khairuddin Md. Som berkata, Budiman menyerahkan kertas pencalonan pada pukul 9.03 pagi diikuti Azhar yang juga Pengerusi PAN Sungai Besar pada pukul 9.05 pagi dan Abdul Rani pada 9.12 pagi.

“Tidak ada pencalonan yang ditolak dan dengan ini saya mengesahkan parti-parti yang bertanding,” katanya selepas proses penamaan calon ditutup pada pukul 10 pagi di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar dekat sini semalam.

Budiman hadir di pekarangan Dewan Seri Bernam pada pukul 8.30 pagi yang diiringi Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Pengerusi BN Selangor, Tan Sri Noh Omar.

Azhar diiringi Presiden PAN, Mohamad Sabu dan pemimpin-pemimpin dalam Pakatan Harapan yang lain termasuk Presiden PKR, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Dalam pada itu, Abdul Rani pula diiringi Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali dan pemimpin-pemimpin parti itu yang lain.

Kerusi Parlimen Sungai Besar kosong



AHMAD ZAHID (dua dari kiri), Tengku Adnan (lima dari kiri), Noh (empat dari kiri) dan Tiong Lai (kiri) mengiringi Budiman (tiga dari kiri) ke pusat penamaan calon di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar.



MOHD. KHAIRUDDIN (dua dari kiri) mengumumkan Budiman (dua dari kanan), Abdul Rani (tiga dari kanan) dan Azhar (kanan) disahkan bertanding dalam PRK Parlimen Sungai Besar di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar semalam.

berikutan kematian penyandanginya, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Noriah Kasnon dalam tragedi helikopter di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei lalu.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 18 Jun depan sebagai hari pengundian dan tarikh pengundian awal pada 14 Jun.

INFO PRK Sungai Besar

PENCALONAN

1. Budiman Mohd. Zohdi (BN)
2. Dr. Abdul Rani Osman (Pas)
3. Azhar Ab. Shukur (PAN)

Keputusan PRU13: Tan Sri Noriah Kasnon (BN) menang undi majoriti 399 undi

Hari Pengundian: 18 Jun 2016



06 Jun 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: Abd. Halim Hadi • Section: Dlm Negeri • Page: 8 • Printed Size: 787.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 15,554.51
PR value: MYR 46,663.53 • Item ID: MY0026202605



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



MOHD YUSOF NOOR (lima darjantikan) bergambar bersama penyumbang dana wakaf dalam Majlis Penerusan Misi Wakaf Kolej Islam Malaya menerusi UIM di Cyberjaya.



SEBAHAGIAN daripada kakitangan UIM yang turut menyumbangkan dana wakaf kepada universiti itu.



06 Jun 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 4 • Printed Size: 150.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,954.55
PR value: MYR 5,863.65 • Item ID: MY0026202525



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

AIM bebaskan rakyat dari kemiskinan – TPM

SABAK BERNAM 5 Jun - Kerajaan menaruh keyakinan penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sejak 29 tahun lalu merupakan antara keputusan terbaik dan berjaya mengeluarkan rakyat daripada kepompong kemiskinan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, meskipun wujud pelbagai organisasi pembiayaan mikro Kredit di negara-negara membangun, namun AIM dilihat muncul antara organisasi yang terbaik selain mendapat pengiktirafan daripada badan-badan dunia.

Antara pengikirafan dunia yang diperoleh AIM, jelas beliau, ialah Best Islamic Micro Finance Institution Global Islamic Award selama tiga tahun berturut-turut bermula tahun 2013 hingga 2015 selain anugerah 3G Woman Empowerment Award daripada Cambridge IF Analytica.

“Kita tahu AIM sebuah organisasi mikro Kredit terbaik di dunia. Walaupun ada banyak organisasi seperti ini di negara membangun, tapi kerajaan komited untuk terus bantu mengurangkan kadar kemiskinan tegar.

“AIM meletakkan keluarga

yang berada dalam kurungan kemiskinan keluar daripada kemiskinan,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada Majlis Himpunan Sahabat AIM serta Pelancaran Kelab Usahawan dan Kesukarelaan Parlimen Sungai Besar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Min di sini hari ini.

Yang hadir sama ialah Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor (MT-PNS), Tan Sri Noh Omar dan calon Barisan Nasional (BN) Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi dan Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Jamal Md. Yunos.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid turut memuji para peminjam pembiayaan kewangan AIM yang tidak culas membayar balik pinjaman mereka yang direkodkan berada pada kadar 98.7 peratus.

“Para peminjam AIM adalah yang terbaik dalam kalangan peminjam,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM100,000 kepada Kelab Usahawan dan Kesukarelaan AIM Parlimen Sungai Besar.



06 Jun 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 1 • Printed Size: 571.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 11,285.42
PR value: MYR 33,856.26 • Item ID: MY0026202462



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

SIAPA PILIHAN?

P.093 SUNGAI BESAR

P.067 KUALA KANGSAR

Pertandingan 4 penjuru

DATIN MASTURA MOHD. YAZID **PROF DR. AHMAD TERMIZI RAMLI**
DR. NAJIHATUSSALEHAH AHMAD **BERAS IZAT BUKHARY ISMAIL BUKHARY**
JUMLAH PENGUNDI: 32,949 ORANG



“Kita (BN) tidak takbur, riak dan insya-Allah kita akan terus berada di barisan hadapan.”

DATUK SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Pengerusi BN



“DAP menyokong calon PAN kerana mempunyai agenda tidak baik untuk mempergunakan PAN bagi menghalang perjuangan Islam.”

DATUK SERI ABDUL HADI AWANG
Presiden Pas



Pertandingan 3 penjuru

BUDIMAN MOHD. ZOHDİ **JUMLAH PENGUNDI: 42,655 ORANG**
DR. ABDUL RANI OSMAN
AZHAR ABDUL SHUKUR



CALON BN, Budiman Mohd. Zohdi (tengah) bersama calon Pas, Dr. Abdul Rani Osman (kiri) dan calon PAN, Azhar Abdul Shukur selepas penamaan calon Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar, Selangor, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN

CALON BN, Datin Mastura Mohd. Yazid bersama-sama empat orang anaknya (dari kiri), Wan Iskandar Wan Muhamad Khair-il Anuar, Wan Izzat, Wan Emir Astar dan Wan Muhammad Amar bergambar di pekarangan rumah mereka selepas anak-anaknya itu menghadiri penamaan calon bagi PRK Kuala Kangsar, Perak, semalam. - BERNAMA



06 Jun 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 4 • Printed Size: 457.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,115.00
PR value: MYR 27,345.00 • Item ID: MY0026202524



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Saingan sengit tiga penjuru

■ SABAK BERNAM 5 JUN

PILIHAN raya kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar menyaksikan saingan sengit tiga penjuru di antara calon Barisan Nasional (BN), Pas dan PAN.

Proses penamaan calon yang dibuka bermula pukul 8 pagi di Dewan Seri Bernam di sini diketuai calon BN, Budiman Mohd. Zohdi yang tiba di pusat penamaan kira-kira pukul 8.30 pagi ini sambil diiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Pengerusi BN Selangor, Tan Sri Noh Omar dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman.

Turut serta Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Budiman, 44, yang lengkap berbaju Melayu biru serta bersongkok turut diiringi pencadangnya, Datuk Mohd. Masloro Abdullah merangkap Pengerusi Pusat Daerah Mengundi (PDM) Sungai Besar dan penyokongnya, Ng Boon Keong yang juga Ketua Pemuda MCA Bahagian Sungai Besar.

Sementara itu, calon PAN, Azhar Abd. Shukur, 51, tiba di pekarangan pusat penamaan calon kira-kira pukul 8.45 pagi ini bersama-sama pencadangnya, Maswan Amir dan penyokongnya Rasman Ahmad.

Beliau diiringi Presiden PAN, Mohamad Sabu; Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

Sementara itu, calon Pas, Dr. Abdul Rani Osman, 58, tiba di pusat penamaan calon kira-kira pukul 9 pagi sambil diiringi penyokong dan pencadangnya masing-masing Salihudin Baharum dan Mohd. Maksom Ramli.

Turut mengiringi Abdul Rani ialah Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man; Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali dan Presiden KITA, Tan Sri Kadir Sheikh Fadzil.

Sementara itu, Pengurus PRK Parlimen Sungai Besar, Mohd. Khairudin Md. Som ketika mengumumkan pencalonan tersebut pada pukul 10.20 pagi ini mengesahkan penyerahan borang calon-calon selepas proses itu ditutup pada pukul 10 pagi ini.

Beliau turut mengumumkan pencalonan Abdul Rani yang mewakili Pas pada PRK itu selepas penyerahan borang kira-kira pukul 9.12 pagi ini, diikuti Budiman yang menyerahkan borangnya pada pukul 9.03 pagi ini.

Selain itu, Azhar mengemukakan borang pencalonannya pada pukul 9.05 pagi ini.

“Tiada pencalonan dibuat dan kesemua calon disahkan bertanding,” katanya.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



AHMAD ZAHID HAMIDI menjamu sarapan bersama **Mustafa Ali** (tiga dari kiri) sementara menanti pengumuman penamaan calon Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar di Sabak Bernam, Selangor, semalam. Turut sama, **Musa Aman** dan Ahli Parlimen Tanjung Karang, **Noh Omar** (kanan).



DAP sokong PAN kerana ada agenda - Hadi

KUALA LUMPUR 5 Jun - DAP didakwa menyokong PAN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar kerana parti itu mempunyai agenda di sebaliknya seperti menghalang perjuangan Islam yang dibawa Pas.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, tindakan PAN itu juga hanya memecahkan undi yang sepatutnya diterima calon pembangkang.

“Sebab yang boleh lawan Barisan Nasional (BN) adalah Pas, bukannya PAN. Mengapa DAP sokong PAN? Kerana DAP ada agenda di belakang PAN.

“Antaranya menghalang perjuangan Pas untuk mengangkat Islam sepertimana Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Pindaan) 2016 di Parlimen baru-baru ini,” katanya seperti dilaporkan portal berita Pas, *Harakahdaily* hari ini.

Beliau menambah, Pas bertanding dalam kedua-dua PRK tersebut kerana parti itu mempunyai kekuatan berbanding parti

lain yang hanya muncul semasa pilihan raya.

Abdul Hadi memberitahu, Pas juga boleh berunding dan bekerjasama dengan pihak lain dalam perkara yang mendatangkan kebaikan.

“Hakikatnya, mereka yang datang memujuk Pas supaya jangan bertanding,” jelasnya.



CALON Parti Amanah untuk Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar, Azhar Abdul Shukor (tiga kiri) menjulang tangan bersama Presiden Pakatan Rakyat, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Ismail (kiri), Penasihat DAP, Lim Kit Siang (dua dari kanan) dan Presiden Parti Amanah, Mohamad Sabu (kanan) selepas pengumuman calon parti itu di Sekinchan.



SEBAHAGIAN penyokong Barisan Nasional berarak ke pusat penamaan calon di Dewan Sri Bernam, Pejabat Tanah dan Daerah Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor, semalam.



06 Jun 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 4 • Printed Size: 283.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,593.30
PR value: MYR 16,779.90 • Item ID: MY0026202540



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Saya akan dekati penyokong tegar DAP – Budiman

SABAK BERNAM 5 Jun - Calon Barisan Nasional (BN), Budi-man Mohd. Zohdi akan cuba mendekati dengan lebih rapat penyokong tegar DAP dalam kalangan pengundi Cina di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sekinchan.

Menyifatkan kedudukannya sebagai anak tempatan merupakan satu kelebihan untuknya meraih undi, beliau memberitahu, kawasan kubu kuat DAP itu telah lama berada dalam 'radar' tugasannya selaku wakil rakyat DUN Sungai Panjang.

"Saya akan cuba perluaskan khidmat saya dari DUN Sungai Panjang ke DUN Sekinchan jika diberi kepercayaan oleh pengundi dalam pilihan raya kecil Parlimen Sungai Besar pada 18 Jun ini," katanya ketika ditemui selepas penamaan calon di Dewan Sri Bernam di sini hari ini.

Pengundi Cina meliputi 13,094 orang daripada keseluruhan 42,655 pengundi berdaftar di Sungai Besar.

Budiman, 44 berkata, dia yang membesar dan merupakan anak jati Sungai Besar sudah mengenali sebilangan besar penduduk di daerah itu.

"Daripada mereka yang bekerja petani, nelayan dan pekebun, semuanya saya kenal. Jadi, saya tidak ada masalah untuk berjumpa dengan mereka sepanjang tempoh kempen," katanya.

Katanya, sepanjang tempoh kempen selama 13 hari bermula hari ini, Barisan Nasional telah merancang pelbagai strategi untuk meraih undi, lebih-lebih lagi pengundi di Sekinchan

yang menjadi kubu kuat pembangkang.

Budiman yang berasal dari Kampung Sungai Limau di sini juga merupakan Setiausaha ADUN BN Selangor.



Daripada mereka yang bekerja petani, nelayan dan pekebun, semuanya saya kenal. Jadi, saya tidak ada masalah untuk berjumpa dengan mereka sepanjang tempoh kempen."

BUDIMAN MOHD. ZOHDI
Calon Barisan Nasional (BN)





06 Jun 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 768.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 15,318.00
PR value: MYR 45,954.00 • Item ID: MY0026202757



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

King of Kampung Kemensah cabar 617 peserta

Larian lasak pupuk cintai alam sekitar

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN

kota@utusangroup.com.my

■ AMPANG 5 JUN

KESIBUKAN warga kota dengan pelbagai urusan tidak semestinya menjadi alasan untuk mereka tidak menyertai aktiviti riadah dan menyihatkan tubuh badan.

Ini termasuk menyertai acara larian *King of Kampung Kemensah* anjuran PACat Adventure Team (PACAT) dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kemensah,

Program bersempena sambutan perayaan jubli emas Kampung Kemensah itu dimeriahkan dengan kehadiran 617 peserta yang mengambil bahagian dalam tiga kategori iaitu junior sejauh 10 kilometer (km), terbuka (18 km) 18 dan veteran (50 km).

Menurut pengarah program, Zulkiflee Zainal, program buat tahun kedua berturut-turut

itu diadakan dengan tujuan mendidik orang ramai supaya mencintai alam sekitar serta flora dan fauna.

“Laluan kombinasi seperti jalan tar, hutan, sungai, bukit dan denai yang perlu ditempuh peserta mampu mendedahkan mereka mengenai kepentingan memulihara kawasan tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah beliau, untuk kategori terbuka dan veteran sejauh 50

kilometer, Kampung Kemensah menjadi tempat permulaan terhadap larian tersebut.

“Selepas itu, mereka perlu melalui Sungai Pusu, Gombak seterusnya ke Bukit Repin, Janda Baik dan kembali semula ke Kampung Kemensah. Pengembaraan ini sudah pasti menguji kekuatan mental dan fizikal peserta,” katanya

yang juga merupakan Pengarah Perhubungan Awam PACAT.

Katanya lagi, bagi memastikan kawasan hutan itu bersih sepanjang program berlangsung, pihaknya tidak menyediakan minuman kepada peserta sebaliknya mewajibkan mereka supaya membawa bekas minuman sendiri.

“Mereka juga dilarang untuk membuang sampah merata-rata. Langkah ini bagi menjamin kebersihan di samping memupuk kesedaran menyayangi hutan dalam kalangan peserta,” ujarnya.

Katanya, program yang bermula seawal pukul 6.30 pagi hingga 5.30 petang itu turut mendapat sokongan sepenuhnya daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).



06 Jun 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 768.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 15,318.00
PR value: MYR 45,954.00 • Item ID: MY0026202757




isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



PEMENANG salah satu kategori bergambar bersama urus setia PACAT dan wakil JKKK Kampung Kemensah.



PARA peserta yang dilepaskan pada awal pagi turut digalakkan memakai aksesori lampu kepala memandangkan tiada lampu disediakan di sepanjang laluan larian.



isentia.mediaportal


Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



SEBAHAGIAN peserta mengambil gambar selepas acara penyampaian hadiah King of Kampung Kemensah yang diadakan di Kemensah, Ulu Klang, Selangor, baru-baru ini.



PELEPASAN kategori lelaki dibuat pada awal pagi bagi memastikan kelancaran pergerakan.



